

1978

KUALA LUMPUR, 15 JUN (BERNAMA) — KEPUTUSAN BERJASA TIDAK MAHU MEMASUKI BARISAN NASIONAL TIDAK AKAN MEMEGAH UNDI ORANG-ORANG MELAYU, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KATANYA, DENGAN KEPUTUSAN BERJASA ITU ADALAH MUDAH SEKARANG BAGI UMNO — TUNJANG BARISAN — MEYAKINKAN AHLI-AHLINYA SUPAYA JANGAN MENGUNDI BERJASA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENAMBAH DI MASA LALU SEPERTI DALAM PILIHANRAYA UMUM TAHUN 1974, UMNO MENDAPATI AMAT SUKAR MEYAKINKAN AHLI-AHLINYA SUPAYA MENGUNDI PAS.

BERGAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MENGHADIRI SATU MAJLIS TAKLIMAT DI JABATAN PERKHIDMATAN AWAM DI SINI, DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA NAIB PRESIDEN UMNO BERKATA KERJASAMA ANTARA BARISAN DENGAN BERJASA DI KELANTAN MASIH AKAN DITERUSKAN.

MALAH DI PERINGKAT PERSEKUTUAN, DUA ORANG MENTERI DARI BERJASA, MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN WILAYAH PERSEKUTUAN HAJI HASSAN ADLI ARSHAD DAN MENTERI PERUSAHAAN AWAM DATUK HAJI MOHAMAD NASIR AKAN TERUS KEKAL DALAM KABINET.

+BAGAIMANAPUN, KAMI AKAN MENGAJI KEDUDUKAN MEREKA SELEPAS PILIHANRAYA UMUM INI,+ TAMBAHNYA. — BERSAMBUNG 1500/A1

EE

B561:

MAHATHIR-BERJASA 2 KUALA LUMPUR

ADALAH DIFAHAMKAN SATU DARIPADA SEBAB UTAMA MENGAPA BERJASA ENGGAN MEMASUKI BARISAN IALAH KERANA PERMINTAANNYA MAHU MENGGUNAKAN SIMBUL SENDIRI TELAH DITOLAK OLEH DEWAN TERTINGGI BARISAN.

+KAMI TELAH MEMBUAT KEPUTUSAN BAHAWA SEMUA PARTI KOMPONEN DALAM BARISAN MESTI MENGGUNAKAN SIMBOL DACING DAN KAMI TIDAK BOLEH MEMBUAT PENGECUALIAN,+ KATA DATUK SERT DR. MAHATHIR.

MENGENAI PERUNTUKAN KERUSI, BELIAU BERKATA +SEBARANG PERSELISIHAN YANG MUNGKIN TIMBUL MENGENAINYA BOLEH DIATASI OLEH DATUK HUSSEIN.+

+PADA PERMULAANNYA TENTU ADA PERASAAN TIDAK PUAS HATI TETAPI BILA KEPUTUSAN MUKTAMAD DIBUAT SAYA BERPENDAPAT SEMUA PARTI KOMPONEN AKAN BERSATU PADU DAN BERJUANG DALAM PILIHANRAYA SEBAGAI SATU BARISAN YANG BERSATU.+

MENGENAI SOAL PERUNTUKAN KERUSI DI PERAK, DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PENGARAH PILIHANRAYA BARISAN NASIONAL BAGI NEGERI ITU BERKATA +KAMI HAMPIR MENCAPI PENYELESAIAN.+

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA TINDAKAN TATATERTIB AKAN DIAMBIL KE ATAS SEBARANG AHLI PARTI KOMPONEN YANG BERTANDING SEBAGAI CALUN BEBAS DALAM PILIHANRAYA AKAN DATANG. — BERNAMA 1504/A1